

Rumah pelacuran rosakkan moral, bertentangan teras Rukun Negara

SHAH ALAM - Cadangan membuka rumah pelacuran kepada warga asing untuk mengurangkan kes jenayah robol bukan sahaja merosakkan nilai moral masyarakat tempatan, tetapi juga bertentangan dengan teras Rukun Negara yang menjadi pegangan rakyat Malaysia.

Pakar Psikologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Haslinda Abdullah berkata, perkara tersebut adalah bertentangan dengan norma agama dan mampu menjurus ke arah masalah jenayah yang lebih besar melibatkan warga asing mahupun rakyat tempatan.

Menurutnya, walaupun masalah kebanjiran warga asing merupakan masalah kepada negara, namun se-

bagai manusia setiap lapisan masyarakat perlu menghormati antara satu sama lain.

"Jika kita tanya mana-mana agama sekali pun mereka tidak akan setuju cadangan ini kerana ia bertentangan teras Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan dan kalau kita tafsirkan, ia merentasi segenap agama serta bangsa di negara ini.

"Cadangan membuka rumah pelacuran kepada warga asing seolah-olah kita merendahkan nilai manusiawi mereka, sedangkan orang tempatan juga turut melakukan jenayah berkaitan seksual.

"Perkara ini akan beri kesan sosial ketara dalam masyarakat dan akan membuka lebih banyak ruang jena-

yah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Haslinda, masyarakat tidak berhak menghakimi niat warga asing yang ingin mencari rezeki kerana mereka juga mempunyai peggangan agama dan kepercayaan masing-masing.

"Cadangan tersebut juga merupakan satu bentuk diskriminasi kepada warga asing. Mungkin apa yang beliau lihat itu adalah satu penyelesaian, tetapi tidak.

"Saya nak tekankan di sini, jangan kita rendahkan nilai orang luar yang datang ke negara kita. Mereka ada agama dan kepercayaan dan tidak dinafikan ada yang bersikap tidak baik, tetapi kita tidak berhak menghakimi mereka," katanya.

“

Tak perlu wujud pusat pelacuran bagi warga asing. Secara terang-terangan Malaysia ini negara Islam kenapa perlu perkara itu? Sepatutnya warga asing yang perlu ikut undang-undang dan peraturan di negara ini. Takut-takut pada masa hadapan bukan warga asing yang melanggan tetapi rakyat sendiri yang lebih suku dari kuah."

- Bekerja sendiri, Mohd Shafizan Shafiee, 37



“

Buka pusat pelacuran untuk warga asing itu memang tidak wajar. Sekarang tak tubuh pusat pelacuran pun sudah bermacam kejadian berlaku. Banyak sangat premis berselindung di sebalik itu seperti pusat spa, urut, hotel bajet dan sebagainya."

- Guru tadika, Suhainul Zalina Zainal, 36

